

14/12/1998

Pelabur perlu yakin prestasi cemerlang ASB, ASN

PENGUMUMAN Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad skim Amanah Saham Bumiputera memperuntukkan kira-kira RM2.7 bilion sebagai dividen dan bonus kepada pelaburan tahun ini adalah pengumuman yang ditunggu-tunggu pelabur.

Jumlah itu adalah bayaran dividen lapan peratus dan pulangan bonus 2.5 peratus ke atas unit yang diwujudkan sehingga 31 Disember 1998. Ini bermakna jumlah dividen dan bonus yang diterima pelabur ialah 10.5 peratus.

Daripada jumlah RM2.7 bilion ini, RM2.3 bilion diperuntukkan bagi bayaran dividen. Sementara itu, RM403 juta diperuntukkan bagi bayaran bonus. Kadar dividen dan bonus adalah sebagaimana dijanjikan oleh pihak pengurusan bahawa kadarnya mampu meyakinkan mengenai keupayaan Permodalan Nasional Berhad (PNB) menguruskan skim saham amanahnya.

PNB berpendapat kadar yang diberi berpatutan bagi jenis pelaburan jangka panjang dan mempunyai risiko sangat rendah. Kadar yang diumumkan itu juga adalah pulangan menarik jika dikaji dari aspek keadaan ekonomi semasa dan dibandingkan pulangan oleh skim saham amanah lain.

Bagi pembayaran bonus tahun ini, ia dikira berdasarkan purata baki minimum bulanan untuk tempoh sembilan tahun berturut-turut (1990-1998). Ini adalah satu bentuk penghargaan PNB kepada pelabur jangka panjang yang terus mengekalkan pelaburan mereka dengan PNB. Ini penting untuk memastikan kepentingan pelabur sentiasa diutamakan melalui pulangan yang mereka terima.

Pengekalan pelaburan penting untuk memastikan dana skim ASB boleh digunakan untuk pelaburan strategik dan berdaya saing serta memastikan peningkatan penguasaan ekuiti korporat negara oleh Bumiputera selaras matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Proses pemulihan ekonomi yang sedang berjalan akan membuka peluang kepada pelaburan yang berpotensi dalam pelbagai sektor. Peluang ini boleh didapati sekiranya dana skim ASB terus diperbesarkan melalui pelaburan yang dilakukan pelabur.

Pelabur juga harus yakin dengan prestasi skim ASB yang masih mampu memberikan keuntungan kepada pelabur dalam keadaan ekonomi tidak memberangsangkan kini. Purata pulangan skim ASB dari tahun 1990 hingga 1998 ialah 12.75 peratus. Ini kadar yang boleh dianggap memuaskan jika dibandingkan pulangan purata simpanan tetap dari tahun 1981-1998 yang mencatatkan 7.43 peratus.

Bagi makluman pelabur, semua jenis urusan niaga bagi skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan skim ASB akan ditangguhkan di semua ejen, pejabat cawangan dan ibu pejabat ASNB mulai 16 Disember 1998 hingga 1 Januari 1999. Penangguhan ini untuk pengiraan dividen dan bonus tahun 1998.

Urus niaga akan berjalan seperti biasa mulai 2 Januari 1998. Bagaimanapun, urusan niaga skim Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) boleh dilakukan seperti biasa dan tidak tertakluk kepada penangguhan ini.

Pelabur akan menerima baucer dividen dan bonus serta laporan pengurus mereka pada Februari 1999. Bagi memastikan pelabur dokumen ini, pelabur dinasihatkan menyemak dan mengemaskini alamat masing-masing di ejen ASNB, pejabat cawangan dan ibu pejabat ASNB. Ini penting supaya pelabur mengetahui status pelaburan mereka dan juga prestasi pelaburan skim ASB secara terperinci. Ini bersesuaian dengan Kempen Buku Bijak ASNB yang menggalakkan lagi pembabitan pelabur serta meningkatkan pengetahuan

pelaburan mereka dengan PNB. Bijak Dahulu Bijak Sekarang.
(END)